



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

UNTUK

MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA DAN KEMERDEKAAN 2020

**DEWAN PERDANA NUR, KPWK, PUTRAJAYA
25 OGOS 2020 / KETIBAAN YBM: TBA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Malaysia Prihatin

Salam Sejahtera dan Salam Wanita Waja

SALUTASI

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, dipanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya dipanjangkan usia pada petang ini dapat kita bersama berkumpul dalam Majlis Sambutan Hari Wanita dan Kemerdekaan 2020 KPWKM.

SAMBUTAN HARI WANITA

Hadirin dan hadirat sekalian

2. Saban tahun, telah menjadi resam kita menantikan ketibaan bulan Ogos kerana ia merupakan bulan yang menyediakan sambutan hari-hari yang penting. Ia sekali-kali tidak dapat dipisahkan dengan sambutan Hari Kebangsaan. Selain itu, bulan ini ditunggu-tunggu oleh golongan hawa kerana sambutan Hari Wanita di peringkat Kebangsaan juga diraikan pada bulan yang sama.

3. Makanya, pada hari ini kita ada dua sambutan bagi menunjukkan keperihatinan kita terhadap pengorbanan wanita dan menghargai wanita dan seterusnya sambutan Kemerdekaan peringkat kementerian yang

dianjur menerusi perhimpunan Bulanan Kementerian. Hari Wanita Kebangsaan disambut setiap tahun pada 25 Ogos, iaitu pada hari ini. Sambutan Hari Wanita ini diadakan bagi menghargai dan mengiktiraf kejayaan yang diperoleh golongan wanita di seluruh negara tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi sekalipun politik.

4. Kita telah melihat bagaimana sejarah telah mencoretkan pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan dan membebaskan negara dari jajahan kuasa luar, dan kita mesti ingat dalam perjuangan tersebut, sumbangan wanita dalam kemerdekaan turut menyumbang kepada pembangunan negara ini.

5. Nama Datuk Siti Rahmah Kassim yang dilahirkan pada 30 November 1926 di Kampung Batu Hampar, Rembau, Negeri Sembilan mungkin tidak mesra pada halwa telinga anak-anak muda hari ini. Namun, mereka yang membesar ketika negara dalam proses mencapai kemerdekaan negara dan pada fasa awal pembebasan daripada penjajahan pasti menganggap beliau sebagai seorang tokoh yang hebat. Siti Rahmah digambarkan sebagai seorang srikandi negara yang sanggup berkorban apa sahaja termasuk harta dan wang demi memastikan anak bangsanya tidak terus dijajah. Biarpun tidak berperang dan mengangkat senjata, Siti Rahmah layak diberi penghormatan sebagai seorang wira kerana sumbangannya yang cukup besar dalam usaha menentang gagasan Malayan Union serta menuntut kemerdekaan. Tiada siapa yang dapat melupakan bagaimana Siti Rahmah sanggup memberi gelang emas

hadiah perkahwinannya kepada Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bagi menampung perbelanjaan yang diperlukan delegasi menuntut kemerdekaan untuk berunding dengan kerajaan British di London, United Kingdom (UK). Sumbangan Siti Rahmah itu amat besar nilainya dalam membantu negara mencapai kemerdekaan pada 1957.

6. Negara ini semakin berjaya, mengorak langkah dari negara membangun menuju ke era maju. Sumbangan golongan hawa dalam perjuangan kemerdekaan dan pembangunan negara tidak dapat dinafikan. Menyedari pengorbanan mereka yang terdahulu, pejuang wanita dalam membebaskan negara dari penjajah, mengiktiraf sumbangan dan menghargai wanita hari ini yang telah menyumbang kepada

pembangunan nusa pertiwi ini, Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2020 ini telah memilih tema **Wanita Waja Negara Sejahtera**.

7. Tema ini dipilih kerana semangat yang ditunjukkan oleh golongan wanita yg tidak mengenal erti putus asa dan semangat juang yang tinggi dalam membebaskan negara dari belenggu penjajah, serta sifat kental dan bermotivasi tinggi membentuk keluarga yang bahagia, peranan wanita waja ini perlu diberi perhatian dan diberi penghargaan menerusi sambutan khusus untuk mereka yang berjumlah separuh daripada jumlah populasi penduduk negara ini.
8. Tema yang dibawakan pada tahun ini juga amat tepat mencerminkan kekuatan wanita. Sambutan kali ini saya lihat lebih bermakna kerana kaum wanita juga adalah 'frontliners' keluarga dalam memastikan ahli

keluarga dijaga dengan teliti bagi memastikan wabak COVID-19 tidak menular dalam keluarga.

9. **Menyentuh tentang Hari Wanita Kebangsaan** yang disambut pada 25 Ogos setiap tahun, ia kekal menjadi hari yang cukup istimewa untuk kita menzahirkan rasa penghargaan di atas sumbangan wanita dan peranan penting mereka dalam pembangunan negara. Ini merupakan sambutan berterusan selain Hari Wanita Antarabangsa yang diraikan setiap 8 Mac di seluruh dunia.
10. Dapatan tinjauan dalam talian yang dilaksanakan oleh Institut Malaysia pada bulan Julai 2020 mengukuhkan lagi premis bahawa, wanita yang terjejas teruk pendapatan dan simpanan adalah dalam kalangan mereka

yang berada dalam kategori B40 dan tidak mempunyai pendapatan tetap.

11. Kita bersyukur kerana keamanan negara terus kita kecapai sehingga ke hari ini. Oleh itu, saya menyeru kepada semua yang berada dalam dewan ini, hargailah wanita atas perjuangan yang telah diberikan. Sekuntum bunga dari saya menghargai semua yang berada disini. Golongan lelaki pecinta wanita, sokonglah bantulah wanita dan bekerjasama serta galaslah tanggungjawab bersama dalam memastikan kerukunan rumahtangga, kebahagiaan keluarga dapat diijelmakan.

12. Inilah Kementerian kita, tiada wanita, tiadalah keluarga dan masyarakat. Begitulah jugalah peranan lelaki dalam merealisasikan perkara ini. Tiada kejayaan yang datang bergolek. Sebaliknya, ia memerlukan usaha daripada kita semua. Agenda pembangunan wanita tidak dapat dijayakan tanpa kesedaran, tanpa sokongan dan tanpa penglibatan inklusif semua golongan, termasuklah lelaki dan wanita, merangkumi semua peringkat umur.

13. Berikutan daripada penularan Pandemik COVID-19, Sambutan Hari Wanita peringkat KPWKM disambut pada tahun ini dengan skala penyertaan yang sederhana. Sambutan pada kali ini adalah bagi mengangkat jasa dan menghargai pengorbanan wanita sepanjang penularan Pandemik ini, sama ada penglibatan secara langsung sebagai *frontliner* mahupun yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Wanita juga menjadi tonggak kepada kejayaan ke atas pematuhan PKP yang dilaksanakan.

14. Oleh itu, saya kira, kita amat bertuah pada hari ini kerana dapat berkumpul untuk menyambut kedua-dua hari yang penuh bermakna ini. Dan saya ingin mengambil peluang ini untuk kita sama-sama **mengiktiraf bahawa membangunkan wanita sama pentingnya dengan membangunkan negara.**
15. Syukur Alhamdulillah, pada tahun kemerdekaan negara kita yang ke-63 ini, Malaysia telah menyaksikan perubahan yang signifikan daripada aspek pemerksaan, kesaksamaan, kesejahteraan dan pembuatan inovatif wanita. Pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia telah

menyaksikan wanita memaksimumkan keupayaan diri dalam meningkatkan ekonomi keluarga. Mereka mulai mengubah cara kerja yang normal kepada meningkatkan penguasaan Revolusi Industri 4.0. Ini terbukti dengan kewujudan perniagaan *online* yang tinggi, ibarat cendawan tumbuh selepas hujan sehingga memaksa syarikat-syarikat penghantaran (perkhidmatan kurier) menambah perkhidmatan penghantaran makanan.

16. Peningkatan akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan dan keusahawanan serta perubahan sosio budaya dalam kalangan masyarakat telah membolehkan wanita bergerak progresif dan berpeluang untuk menyumbang secara aktif dalam bidang yang turut dimonopoli oleh kaum lelaki. Ia bukan lagi menjadi satu isu gender di dalam Malaysia.

17. **Suka saya untuk mengajak kita semua untuk melihat sejauh mana progres wanita Malaysia.** Dalam beberapa dekad ini, Malaysia telah menyaksikan pencapaian wanita yang amat membanggakan, dalam segenap aspek.

18. **Pencapaian yang dikecapi oleh wanita masa kini adalah cerminan bahawa jika wanita terus diberikan akses kepada sumber dan peluang seperti pendidikan, mereka boleh menjadi penyumbang yang aktif kepada ekonomi dan pembangunan negara.** Sepertimana perumpamaan yang menyebut *‘if you educate a women, you educate a family, if you educate a girl, you educate the future’*. Kesannya boleh dilihat dari aspek pekerjaan dan penyertaan wanita dalam pasaran buruh.

Jika diperhatikan, seawal tahun 1980an, wanita lebih banyak terlibat dalam sektor seperti pertanian.

19. Dengan berkembangnya sektor perkilangan pada tahun 1990-an menyaksikan wanita beralih ke sektor pembuatan. Di awal tahun 2000, penglibatan wanita mula tertumpu dalam sektor perkeranian dan seterusnya wanita menerokai sektor perkhidmatan. Kita juga boleh berbangga dengan peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran kerja yang mana pada tahun 2010 menunjukkan 46.8 % dan terus meningkat ke angka 55.6% pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa peratusan penyertaan lelaki dalam pasaran buruh jauh lebih tinggi daripada wanita iaitu 80.8% pada tahun 2019 dan kita perlu meningkatkan lagi usaha-usaha yang menyumbang kepada penyertaan wanita dalam pasaran kerja.

20. **Tidak dapat dinafikan pemerksaan wanita akan menggilap potensi diri mereka dan akan menyaksikan lebih ramai wanita terlibat sebagai pembuat keputusan.** Inilah yang menyumbang kepada transisi wanita dari seorang ahli masyarakat sehingga diberikan kepercayaan menjadi wakil rakyat, daripada seorang penjaja kecil berjaya meluaskan empayar peniagaan dan dari seorang suri rumah yang banyak membuat keputusan tentang hal-hal domestik keluarga sehinggalah dilantik menjadi pembuat keputusan di syarikat-syarikat gergasi.
21. Jika dilihat perbandingan **di peringkat global** yang dilaporkan melalui *Global Gender Gap Index* yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* pula, Malaysia pada tahun 2019 berada **di tangga 117 daripada 153**

buah negara dengan skor **0.108** bagi **indeks yang sama** . Dalam kalangan negara **ASEAN**, Malaysia berada di **tangga ke-6** dan di belakang Filipina (0.353), Indonesia (0.172), Singapura (0.159), Lao PDR (0.150) dan Viet Nam (0.123).

22. Ingin juga saya kongsi bahawa saya seringkali mendapat pertanyaan-jika **kesaksamaan gender** itu merupakan salah satu agenda penting sepertimana yang dijemakan dalam beberapa dokumen nasional dan juga di peringkat antarabangsa, oleh itu, **mengapa wanita yang perlu diberikan keutamaan?** Bukankah membangunkan lelaki sama pentingnya? Ya, kesaksamaan gender menuntut semua pihak untuk memberikan peluang kepada lelaki dan wanita untuk **menyumbang, terlibat** dan mendapat **manfaat** dari pembangunan negara.

23. Tetapi jika dilihat daripada **Indeks Jurang Gender Malaysia 2018** yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan, masih wujud jurang gender yang agak ketara antara lelaki dan wanita. Kita masih berada di skor 0.711 daripada **skor penuh 1.00**. Ini bermakna, wanita masih ketinggalan lebih kurang 29% di belakang lelaki. Jika dibandingkan pencapaian kita dalam kalangan negara ASEAN pula, laporan *Global Gender Gap Indeks 2019* yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* jelas menunjukkan skor *gender parity* Malaysia jauh ketinggalan dengan kedudukan di tangga ke-9 dengan skor 0.677. Kita berada di belakang beberapa negara ASEAN seperti negara Filipina yang mempunyai skor 0.781, Lao PDR dengan skor 0.731 dan Vietnam yang berada di skor 0.700.

24. Berdasarkan contoh-contoh tersebut, **wujudnya asas yang kukuh untuk menumpukan usaha-usaha pemerksaan terhadap wanita.** Ini disokong oleh dapatan kajian oleh *Khazanah Research Institute* pada tahun 2018 yang melaporkan, sekiranya terdapat pertambahan penyertaan 30% wanita dalam pasaran buruh ia akan meningkatkan GDP negara antara 7% sehingga 12%.
25. Tidak dapat dinafikan bahawa pemerksaan wanita sememangnya meningkatkan daya saing sesebuah negara. Dalam hal ini ingin saya memetik kata-kata Alec Ross “*There is no greater indicator of an innovative culture than the empowerment of women. Fully integrating and empowering women economically and politically is the most important step that a country can take to strengthen its competitiveness.*”

26. Justeru, persoalan selanjutnya adakah **kita telah menyediakan persekitaran yang menggalakkan pemerksaan wanita?** Tidak dapat dinafikan bahawa komitmen di peringkat antarabangsa dan peringkat nasional telah menggariskan tindakan-tindakan serta syor yang perlu dilakukan untuk memperkasa wanita. Ini termasuklah pelaksanaan tanggungjawab di bawah Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), *Beijing Declaration and Platform For Action*, Perlembagaan Persekutuan, Dasar Wanita Negara serta perundangan-perundangan berkaitan yang turut memberi manfaat kepada wanita khususnya dalam aspek perlindungan,

27. Tetapi dengan hanya meratifikasi konvensyen, menggubal undang undang dan dasar , tidak kemana jualah kita sekiranya semua pihak tidak memainkan peranan untuk menterjemahkan kandungan dokumen-dokumen tersebut ke dalam bentuk tindakan.

28. Oleh itu, saya memohon agar kita sama-sama **menyeru masyarakat di luar sana** untuk **bergerak bersama-sama Kerajaanini** dalam memperkasakan wanita yang antaranya memerlukan *concerted effort* seperti berikut:

- (i) Memperbanyakkan lagi **program pembangunan kapasiti** untuk menggilap potensi wanita dan ini termasuklah dalam program-program berbentuk keusahawanan yang boleh membantu wanita

menjana pendapatan. Dalam hal ini, ingin saya berpesan, ***hand hold protege / mentee*** anda;

- (ii) Menyediakan lebih banyak peluang untuk **wanita mengisi jawatan sebagai pembuat keputusan**; kerana kajian juga telah menunjukkan kepimpinan wanita boleh menyumbang kepada tadbir urus organisasi yang lebih baik. Ini termasuklah pengisian jawatan dalam sektor awam, sektor swasta, parti-parti politik dan jangan dihadkan angka wanita sebagai pembuat keputusan kepada 30% sahaja;
- (iii) Mewujudkan **persekitaran yang menggalakkan penyertaan wanita dalam pasaran kerja** dan ini termasuklah memerlukan tanggungjawab majikan menyediakan pusat jagaan dengan kos yang

berpatutan. Ini sangat penting kerana, kajian menunjukkan kurangnya penyertaan wanita dalam pasaran kerja disebabkan mereka mengambil alih tugas utama untuk menguruskan rumah tangga serta menjaga ahli keluarga termasuklah anak-anak, orang kurang upaya, orang tua dan juga ahli keluarga yang sakit;

- (iv) Meningkatkan **kefahaman tentang pentingnya peranan lelaki dan wanita untuk sama-sama menguruskan rumah tangga**. Kerana jika ini dibiarkan berlarutan, wanita yang berkerja akan terus menanggung *double burden* yang turut dikenali sebagai *2nd shift*. Ini kerana, selain melaksanakan tugas-tugas di pejabat, wanita lazimnya menggalas tugas-tugas di rumah yang amaunnya lebih tinggi berbanding lelaki;

- (v) Menghulurkan **perkhidmatan perlindungan, sokongan sosial dan emosi** kepada wanita termasuklah ahli keluarga yang menjadi mangsa kejadian seperti keganasan rumah tangga dan penderaan. Dalam hal ini, semasa tempoh PKP saya melihat sinergi yang begitu baik dengan pihak NGO seperti WAO dan AWAM dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga mendapatkan perlindungan dan juga menyediakan khidmat kaunseling. Saya berharap agar kolaborasi seumpama ini terus diberikan keutamaan;
- (vi) Menggandakan **advokasi dalam mempromosi hak-hak wanita** agar mereka berani tampil melaporkan kepada pihak berkuasa mengenai kejadian yang tidak diingini seperti gangguan seksual. Berkait dengan isu ini, saya juga meletakkan harapan yang tinggi

terhadap usaha Kementerian ini untuk membentangkan **RUU Gangguan Seksual** dan semoga ia mendapat sokongan semua pihak.

(vii) Membudayakan pemakaian **lensa / perspektif gender** dalam apa jua penggubalan polisi serta pelaksanaan program dan aktiviti bagi memastikan setiap apa sahaja yang dirancang dan dilakukan adalah berlandaskan keperluan sebenar lelaki dan perempuan. Ini akan membantu elemen *execution* yang lebih *targeted*.

29. Di kesempatan ini, suka juga saya **menyeru kepada wanita** yang berada di dalam dewan ini ataupun yang berada di luar sana, untuk terus percaya kepada kemampuan diri sendiri dan rebutlah peluang yang telah disediakan oleh Kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekokomi Negara

(PENJANA). Manfaatkan kemudahan teknologi yang dibawa oleh Revolusi Perindustrian 4.0, jinakkan diri dengan *digital platform* kerana ia membuka ruang dan peluang yang lebih besar untuk penjanaan pendapatan dan sekaligus menggilap potensi diri.

30. Selain itu, slogan “**wanita membantu wanita / *women helping women***“ perlu disemai dan diterjemahkan dalam bentuk tindakan. Ia menuntut tanggungjawab daripada wanita yang telah berjaya untuk membantu dan memberi laluan kepada wanita lain untuk sama menempah kejayaan. Semangat sebegini amat penting kerana wanita lebih memahami cabaran menanggung *double burden* dan boleh berkongsi pengalaman dalam mengendalikan situasi berkenaan.

31. **Kepada golongan lelaki**, saya ingin memohon agar dapat melihat segala isu dan masalah sosial serta ekonomi dari lensa gender. Fahamilah masalah yang dihadapi oleh kaum wanita yang berperanan sebagai ibu, isteri, adik-beradik wanita dan anak perempuan. Berikanlah mereka sokongan dan bantulah mereka mengakses peluang dan sumber-sumber yang ada agar mereka terus dapat diperkasakan. Berjayanya mereka ini, berjaya jualah keluarga dan negara. Sepertimana yang saya sebut di awal-awal tadi, impak pemerkesaan wanita bukan sahaja dapat menyumbang kepada kemajuan sesebuah negara tetapi juga akan meningkatkan kemampuan dan memelihara keharmonian serta kesejahteraan institusi keluarga.

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

Hadirin dan hadirat sekalian

32. Apabila kita berbicara tentang Hari Kebangsaan walaupun masih berbaki 6 hari, ia membawa kita mengimbau kembali kepada pengorbanan pemimpin-pemimpin dan pejuang-pejuang negara dalam memerdekakan tanah air ini dari genggaman penjajah. Ia juga bulan yang mengajak anak bangsa kita untuk mengenal sejarah Malaysia agar kekal rasa kecintaan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi pada negara.

33. Pilihan tema 'Malaysia Prihatin' pada tahun ini sangat dekat di hati semua. Ia menuntut tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia untuk prihatin dan peduli antara satu sama-lain khususnya terhadap kumpulan

masyarakat yang lebih rentan (*vulnerable*) seperti orang kurang upaya, warga emas dan kanak-kanak. Nilai inilah yang wajar digarap dalam setiap lapisan masyarakat ke arah membina negara bersatu, makmur dan bermaruah seperti mana yang dihasratkan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama.

34. Tema Hari Kebangsaan ini juga memberikan kita semua kekuatan untuk terus bangkit daripada kelumpuhan pada hampir keseluruhan sistem khususnya yang berkait dengan ekonomi, disebabkan kesan penularan wabak Covid-19. Tiada antara kita yang terkecuali daripada impak yang dibawa oleh wabak ini.

35. Adalah satu perkara yang amat membanggakan apabila Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menjadi petugas barisan hadapan atau *frontliners* sepanjang PKP dilaksanakan. Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan saya ucapkan kepada semua petugas barisan hadapan dari KPWKM dan agensi khususnya **wanita** sama ada dari Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Institut Sosial Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Yayasan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Kaunselor. Usaha dan pengorbanan anda semua telah banyak membantu dalam memastikan inisiatif-inisiatif Kerajaan sampai kepada golongan-golongan yang memerlukan.

36. Selaku agensi Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas kebajikan rakyat Malaysia dari pelbagai peringkat umur, jadikanlah tempoh PKPP yang sedang kita jalani ini sebagai platform untuk kita lebih prihatin kepada kesejahteraan hidup kumpulan sasar Kementerian.

Hadirin dan hadirat sekalian

37. Kita telah menghampiri penghujung kepada fasa pemulihan PKPP yang akan berakhir pada 31 Ogos 2020 nanti dan apa jua keputusan Kerajaan selepas ini sama ada untuk meneruskan fasa ini atau tidak, kita sebagai benteng terakhir Kerajaan seharusnya bersatu hati untuk terus mendukung apa jua rancangan Kerajaan bagi memastikan Pandemik COVID-19 ini terus dapat dibendung dari kembali merebak. Teruskanlah mengamalkan SOP yang ditetapkan, walau di mana kita berada kerana saya yakin, tanpa rasa tanggungjawab dan prihatin yang menebal dalam sanubari kita semua sebagai rakyat Malaysia, krisis ini tidak mudah untuk ditangani.

38. Kepada semua kaum wanita, saya ingin menyampaikan aspirasi kepada anda untuk terus berusaha, terus cekal dan terus bersikap waja dan lebih berdaya saing dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan dalam kehidupan. Untuk itu, KPWKM melalui JPW telah merancang pelbagai program termasuklah program secara dalam talian dalam usaha meningkatkan kapasiti sendiri setiap wanita secara lebih holistik.
39. Saya suka memetik kata-kata Sheryl Sandberg, seorang wanita yang pernah bekerja di World Bank Economist, Naib Presiden di Google, dan kini COO di Facebook berkata, "Semakin ramai wanita menolong satu sama lain, maka semakin hebat kita membantu diri kita sendiri. Ia seolah-olah seperti satu persekutuan yang membuahkan hasil. *"The more women help one another, the more we help ourselves. Acting like a coalition truly does produce results."*

40. Berdasarkan kepada inilah, kita harus bersepakat dan bersama-sama dalam perjuangkan peningkatan martabat wanita. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan **Selamat Hari Wanita** kepada semua wanita di KPWKM dan menyeru agar kaum lelaki di KPWKM sentiasa mendokong usaha untuk memartabatkan wanita.
41. Pesanan saya, sayangi wanita sebagaimana anda menyayangi ibu anda. Hormati wanita, tingkatkan keterlibatan wanita dalam merencanakan pembangunan negara. Saya percaya apabila wanita mula melangkah ke dalam arus pembangunan negara tanpa sebarang diskriminasi, negara akan melihat perubahan positif dan memberi impak yang besar ke atas ekonomi negara hasil suntikan pengupayaan wanita.

42. Saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

**Cantik Sungguh ukiran peti,
Dibawa dagang ke Putrajaya,
Pemuda bistari pemangkin diri
Wanita waja, negara sejatera.**

ATAU

**Tak kalah dek lawan, tak kekok dek zaman,
Wanita sekarang, bukan sembarangan,
Tak gentar melawan, tak kisah berdepan,
Misi dan perjuangan menjadi taruhan.**

**SELAMAT MENYAMBUT HARI WANITA 2020 - WANITA WAJA NEGARA
SEJAHTERA DAN
SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN KE-63 - MALAYSIA
PRIHATIN**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

25 OGOS 2020